

# Hishammuddin, Tajol serah kepada pucuk pimpinan buat keputusan

UM - 3 FEB 2003

SUNGAI SIPUT 2 Feb. — Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali hari ini menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti sama ada mereka perlu berundur atau sebaliknya selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir meletakkan jawatan Oktober ini.

Mereka menganggap keputusan itu adalah hak pucuk pimpinan setelah pengambil alihan kuasa berlaku ketika itu.

“Kita akur dengan keputusan pucuk pimpinan dan itu adalah hak Perdana Menteri yang baru,” kata Hishammuddin ketika ditemui selepas majlis takli-

mat Pemuda UMNO Perak di Hotel Casuarina di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik hari ini yang mahukan semua anggota kabinet Dr. Mahathir berundur apabila Perdana Menteri melepaskan jawatannya Oktober ini.

Katanya, ia merupakan simbolik kepada proses peralihan kuasa yang telah menjadi prinsip dan amalan negara demokrasi berparlimen termasuk di Malaysia.

Beliau berkata, ini juga akan membolehkan pengganti Dr. Mahathir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sela-

ku Perdana Menteri baru membentuk kabinetnya sendiri.

Menurut Hishammuddin, isu pengunduran itu seharusnya tidak timbul kerana ia adalah hak Perdana Menteri yang baru dan semua pemimpin UMNO telah membuat pendirian tersebut dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO baru-baru ini.

Sementara itu, Tajol Rosli berkata, beliau akur dengan keputusan pucuk pimpinan dalam tindakannya untuk memastikan kerajaan dan parti terus mantap.

“Kesemua ini ditetapkan oleh Presiden dan saya akur dengan keputusannya,” katanya.